

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 NOVEMBER 2016

Kuala Lumpur-Tokyo saling mempercayai

BH-19/11/2016

[FOTO BERNAMA]

➔ Najib teruja teruskan kerjasama rapat dengan Abe

A Jalil Hamid
jalil@nstp.com.my

✦ Tokyo, Jepun



Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe, memulakan dan mengakhiri sidang media bersama Datuk Seri Najib Razak pada Rabu lalu dengan merujuk rakan sejawatannya dari Malaysia itu sebagai 'sahabat akrab.'

Ini dibalas oleh Najib dengan menyifatkan Abe sebagai 'rakan baik saya' sebelum mengakhiri sidang media dengan berkata: "Saya teruja untuk bekerjasama rapat dengan Perdana Menteri Abe pada masa akan datang."

Menghuraikannya secara lebih terperinci dalam pertemuan bersama media Malaysia yang membuat liputan lawatannya, Najib menyatakan tidak mempunyai masalah dengan Abe.


"Beliau baik orangnya. Memanglah beliau mempunyai masalah dengan beberapa negara tetapi apa yang penting ialah hubungan kita bersama Jepun," katanya.

Perdana Menteri mengakui wujud sikap saling mempercayai dan kejujuran antara mereka.

Bagaimanapun, Najib menegaskan keakraban hubungan dengan sesebuah negara tidak harus mengorbankan negara lain.

"Ini bukan soal membuat cogngakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, keak-



Najib bersama Abe pada sidang media bersama sempena kunjungan Perdana Menteri ke Jepun.

raban dengan China selaku rakan dagang terbesar Malaysia, tidak menghalang negara daripada menjalinkan hubungan dengan Jepun yang juga pelabur asing terbesar di Malaysia, dan Amerika Syarikat (AS).

Malah, tegasnya, sikap sama akan dilebarkan bersama Presiden AS yang dipilih, Donald Trump.

"Suka atau tidak, beliau adalah Presiden AS yang baharu," katanya.

Menariknya, Najib mengimbau gambarnya bersama Trump yang tertulis ungkapan: "To my favourite PM (Buat PM kegemaran saya)."

Najib berkata: "Entah apa sebabnya, saya meletakkan gambar itu bersebelahan kerusi saya sejak dua tahun lalu ketika beliau tidak



Saya teruja untuk bekerjasama rapat dengan Perdana Menteri Abe pada masa akan datang"

Najib Razak,
Perdana Menteri

terfikir langsung untuk bertanding sebagai Presiden. Gambar itu masih berada di tempat sama."

Naik taraf lawatan negara

Najib mempunyai hubungan rapat dengan pimpinan tertinggi China dan lawatan rasminya ke republik itu baru-baru ini dinaikkan tarafnya sebagai lawatan negara sebelum kembali ke tanah air dengan pelbagai perjanjian ditandatangani.

Bimbang jika Kuala Lumpur terlalu memandang ke Beijing, Jepun yang genap 60 tahun menjalin hubungan diplomatik bersama Malaysia tahun depan, nyata tidak mahu ketinggalan.

Undangan Abe untuk Najib melawat Jepun diterima hujung Oktober lalu, seminggu sebelum Per-

dana Menteri ke China. Ia dihantar sendiri oleh pegawai Abe yang terbang ke Kuala Lumpur.

Najib menerimanya walaupun mempunyai jadual padat, termasuk perlu menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2016 di Lima, Peru bermula hari ini, seperti mana Abe.

Najib dan Abe mempunyai banyak persamaan, terutama dari segi dilahirkan dalam keluarga dengan latar belakang politik.

Datuk kepada Perdana Menteri Jepun itu, Kan Abe, dan bapanya, Shintaro Abe, adalah ahli politik.

Ibu Abe, Yoko Kishi, adalah anak Nobusuke Kishi yang menjadi Perdana Menteri Jepun dari 1957 hingga 1960.